

Pintu-pintu Kebaikan

Daripada Muaz bin Jabal RA, katanya hai Rasulullah SAW, ceritakan kepadaku suatu amalan yang akan memasukkan aku ke dalam syurga dan menjauhkanku daripada neraka. Rasulullah SAW bersabda:

لَقَدْ سَأَلْتُ عَنْ عَظِيمٍ، وَإِنَّهُ لَيَسِيرٌ عَلَى مَنْ يَسَّرَهُ اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ: تَعْبُدُ اللَّهَ لَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا، وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ، وَتَحُجُّ الْبَيْتَ. ثُمَّ قَالَ: أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى أَبْوَابِ الْخَيْرِ: الصَّوْمُ جُنَّةٌ، وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ، وَصَلَاةَ الرَّجُلِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ، ثُمَّ تَلَا:

(تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ حَتَّىٰ بَلَغَ يَعْلمُونَ). ثُمَّ قَالَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِرَأْسِ الْأَمْرِ وَعَمُودِهِ وَذُرْوَةِ سِنَامِهِ، قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ: رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ، وَذُرْوَةُ سِنَامِهِ الْجِهَادُ. ثُمَّ قَالَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِمِمَّا لَكَ ذَلِكَ كُلُّهُ قُلْتُ: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ. فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ ثُمَّ قَالَ: كُفَّ عَنْكَ هَذَا. قُلْتُ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ، إِنَّا لَمُؤَاخِدُونَ بِمَا نَتَكَلَّمُ بِهِ؟ فَقَالَ: نَكَلْتِكَ أُمُّكَ، وَهَلْ يَكُفُّ النَّاسَ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ أَوْ قَالَ: عَلَى مَنَاخِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ السِّتِّهِمْ)

Maksudnya: "Sesungguhnya kamu telah tentang sesuatu yang agung. Sesungguhnya ia adalah mudah bagi sesiapa yang dimudahkan oleh Allah SWT: Kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu, kamu mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji.

Kemudian baginda berkata: "Mahukah kamu kiranya aku tunjukkan kepadamu pintu-pintu kebaikan: Puasa itu benteng (pemelihara),

sedekah menghapuskan kesalahan sepertimana air memadamkan api dan sembahyang seorang lelaki di tengah malam, kemudian baginda membaca firman Allah SWT yang bermaksud: "Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur (sedikit sangat tidur; kerana mengerjakan sembahyang tahajud dan amal-amal salih), mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin mendermakan sebahagian daripada apa yang kami berikan kepada mereka. Maka tidak ada seseorangpun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (daripada segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan menggembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal salih yang mereka telah kerjakan."

Kemudian Baginda bersabda lagi: "Mahukah kamu kiranya aku ceritakan kepadamu tentang kepala segala urusan, tunggak dan kemuncaknya?" Aku menjawab: "Sudah tentu wahai Rasulullah!" Sabda Baginda: "Kepala segala urusan ialah Islam, tunggaknya ialah sembahyang dan kemuncaknya adalah jihad."

Kemudian Baginda bersabda lagi: "Mahukah kamu kiranya aku memberitahu kepadamu anak kunci kepada semua perkara tersebut?" Aku menjawab: "Sudah tentu wahai Rasulullah" Lalu Baginda memegang lidahnya seraya bersabda: "Kamu mesti menjaga ini!" Aku bertanya: "Wahai Nabi Allah! Adakah kita akan dibalas (dipersoalkan) dengan apa yang kita pertuturkan?" Baginda menjawab: "Celakalah kamu! Tidak ada yang menghancurkan manusia ke dalam neraka di atas muka mereka – dalam riwayat yang lain disebutkan di atas hidung mereka – melainkan hasil tuaian ini adalah ada lidah mereka?"

Riwayat al-Tirmizi dalam bab Iman iaitu bab "Hadis-hadis yang menceritakan tentang kehormatan sembahyang" (2619)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini mempunyai banyak nasihat dan mutiara yang dapat diambil bagi menjadi pedoman dalam kehidupan antaranya:

❖ Pintu-pintu kebaikan

Pintu-pintu kebaikan dan sebab-sebab menyampaikan kepadanya ialah:

- i. *Puasa adalah benteng*: Yang dimaksudkan puasa di sini ialah puasa sunat dan bukannya puasa Ramadan. Puasa merupakan penghalang daripada maksiat dan juga neraka pada hari akhirat. Begitu juga dengan puasa seseorang akan mendapat takwa.
- ii. *Sedekah menghapuskan kesalahan*: Yang dimaksudkan dengan sedekah di sini ialah selain daripada zakat dan kesalahan yang dihapuskan kesannya oleh sedekah ialah kesalahan dosa kecil yang berkaitan dengan hak Allah SWT. Sedekah boleh menjadi penghalang daripada menjadi unggun api neraka. Di samping itu sedekah membawa kepada bertambahnya rezeki dan keberkatan dalam hidup.
- iii. *Sembahyang malam*: iaitu sembahyang sunat di waktu malam selepas tidur beberapa ketika (qiamullail). Ini mempunyai kelebihan yang banyak antaranya murah rezeki, selamat daripada penyakit, selamat daripada musuh, dimudahkan urusan hidup, manusia akan menyukainya dan banyak lagi. Adapun akhirat pula akan mendapat syurga Allah dan kedudukan yang terpuji di akhirat.

2. **Sebaik-baik amalan kebajikan selepas amalan fardu**

Imam Malik dan Abu Hanifah berpendapat bahawa sebaik-baik amalan kebajikan selepas amalan fardu ialah menuntut ilmu kemudian diikuti dengan jihad. Manakala Imam Syafie pula berpendapat bahawa sebaik-baik amalan ialah sembahyang sama ada fardu mahupun sunat. Walaupun begitu, Imam Syafie juga berpendapat mempelajari ilmu itu lebih baik daripada mengerjakan seribu rakaat solat sunat. Ini kerana status kefarduan tidak mungkin dapat digugat oleh yang sunat. Imam Ahmad pula berpendapat bahawa jihad di jalan Allah SWT adalah amalan yang paling afdal.

3. **Sikap para sahabat**

Hadis ini menunjukkan bahawa para sahabat sentiasa meminta pertunjuk Nabi SAW dan peringatan untuk mereka. Ia juga menunjukkan bahawa menunaikan amalan-amalan fardu yang lima adalah perkara pertama yang semestinya diamalkan oleh seorang hamba dan ia adalah salah satu sebab untuk memasuki syurga serta menjauhkan diri daripada neraka.

4. Kelebihan jihad

Terlalu banyak kelebihan jihad di dalam memelihara Islam dan meninggikan kalimah Allah SWT. Antara kelebihan ialah mendapat kedudukan istimewa di sisi Allah sepertimana yang dinaskan oleh Allah serta diberikan rezeki yang cukup.

5. Bahaya lidah

Bahaya lidah dan balasan ke atas perilakunya dan lidah boleh mencampakkan tuannya ke dalam neraka hasil daripada tuaiannya. Dengan sebab itulah para salafusoleh mengambil berat berkenaan penjagaan lidah. Sebaliknya mengisi dengan zikrullah, bacaan al-Quran dan mempelajari ilmu.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Solat di malam hari adalah keindahan di siang hari, senang melakukan kebaikan kepada sesama manusia adalah bahagian dari kesucian nurani dan menunggu jalan keluar dengan penuh sabar adalah ibadat.
- ❖ **Pujangga berkata:** Ketika bersujud, bisikkan semua urusan anda kepadanya, kerana Dia Maha Mengetahui yang tersamar dan tersembunyi. Dan, jangan anda perengarkan kepada orang-orang di sekitar, sebab cinta itu memiliki rahsia, sementara orang tidak sama, ada yang tidak suka dan ada pula yang membantu.

Kisah Teladan

Uthman bin Affan R.Anhuma ketika menyedekahkan hartanya untuk berjuang di jalan Allah SWT kerana didorong oleh rasa cintanya kepada Allah dan didorong oleh rasa pengharapannya kepada keredaan Allah, maka pahala yang diperolehi adalah apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW: *“Ya Allah, redailah Uthman kerana sesungguhnya aku telah meredainya. Mulai hari ini apa yang dilakukan oleh Uthman tidak akan merugikan (dia boleh berbuat apa yang dia mahu dan Allah telah mengampuninya).”*

Sesungguhnya Uthman bin Affan R.Anhuma telah mempersiapkan pasukan perang untuk membantu kaum Muslimin dan membeli perigi yang bernama *raumah*, dan memberikannya kepada kaum Muslimin. Kemudian, pertama kali Uthman R.Anhuma menceduk air dari perigi tersebut untuk diberi minum kepada kaum Muslimin demi memperolehi keredaan Allah SWT dan demi berlumba-lumba dalam berbuat kebaikan serta amal soleh.